

# Anwar diharapkan bawa PAS sertai semula BN

KOTA BAHARU, Isnin — PAS di bawah pimpinan Yang Dipertua Agungnya, Datuk Haji Mohd. Asri Haji Muda, yang menerima konsep 'bersih, cekap dan amanah' (BCA), menaruh harapan besar supaya Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia, Encik Anwar Ibrahim, membawa masuk semula parti itu ke dalam Barisan Nasional.

Pihak PAS sendiri dikatakan boleh menerima dan bekerjasama rapat dengan Encik Anwar, yang juga Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, untuk menyatupadukan masyarakat Islam di negara ini.

Menurut sumber-sumber rapat PAS Kelantan, PAS di seluruh negara yakin dengan perubahan besar yang mungkin berlaku dalam Pergerakan Pemuda UMNO di bawah pimpinan Encik Anwar.

"Keyakinan itu sudah pasti akan membawa kepercayaan PAS terhadap kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ke arah suatu cita-cita yang sama untuk menyerapkan penghayatan Islam dalam pentadbiran kerajaan," kata sumber itu.

Menurut sumber itu lagi, Datuk Asri dikatakan pernah bertemu dan berunding 'empat biji mata' dengan Encik Anwar Ibrahim, bulan lalu, dalam usaha menyelesaikan perpecahan umat Islam di negara ini.

Dua tokoh tersebut bersependapat, sebarang perpecahan umat Islam di negara ini, akibat perbezaan fahaman politik, khususnya di kawasan luar bandar, akan merugikan masyarakat Islam dan menjejaskan masa depan politik dan ekonomi orang-orang Melayu.

Berita Harian difahamkan, Datuk Asri menghormati kepimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir dan Encik Anwar.

melaksanakan cita-cita serta perjuangan untuk menghayati akidah Islam dalam sistem pentadbiran kerajaan.

Difahamkan, sebilangan besar penyokong PAS Kelantan, menyokong penuh jika Encik Anwar secara ikhlas dan jujur memainkan peranan membawa masuk semula PAS ke dalam Barisan Nasional.

Bagaimanapun, terdapat sebilangan kecil pemimpin yang berta'raf ulama parti itu, menentang ura-ura penyertaan semula PAS dalam BN.

Menurut sumber-sumber itu, Datuk Asri bersama orang-orang kannannya, seperti Encik Zahari Awang, bekas Ahli Parlimen Kuala Kerai, Encik Hassan Haji Mohamad, Ahli Parlimen PAS Rantau Panjang, dan Encik Mohd. Fakhruddin bersama penyokong mereka dari seluruh negara, dikatakan bercita-cita mahu bekerjasama semula dengan kerajaan BN.

Bagaimanapun, Ketua

Dewan Ulama PAS, Us-taz Haji Nik Aziz Haji Nik Mat, yang juga Ahli Parlimen Pengkalan Cepa, menentang ura-ura kerjasama itu.

Sementara itu, Timbalan Menteri Dalam Negeri, Encik Kassim Ahmad, ketika diminta mengulas kemungkinan besar Datuk Asri akan berunding dengan Encik Anwar mengenai penyertaan PAS ke dalam BN, berkata, "Memandangkan suasana politik sekarang, PAS memang wajar menyertai semula BN".

Katanya, jika PAS benar-benar jujur dan menerima konsep bersih, cekap dan amanah di bawah pimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir, tidak ada lain pilihan melainkan bekerjasama rapat dengan BN.

"UMNO di bawah pimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir telah memperjuangkan segala cita-cita Islam dan buktinya sudah nyata perkara-perkara yang bertentangan dengan Islam, dibersihkan di negara ini," katanya.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia